

# Mahathir minggu

RM 30 DEC 1982

# depan temui raja

Oleh Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa — Umno akan mengadakan pertemuan dengan raja-raja untuk menjelaskan pindaan Perlembagaan bagi memansuhkan kekebalan raja-raja di segi undang-undang, dijadualkan 9 Januari ini.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pertemuan tidak rasmi itu akan disertai Timbalan Presiden, Ghafar Baba dan ketiga-tiga Naib Presiden iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid.

Beliau berkata, walaupun tarikh dan tempat pertemuan itu belum ditetapkan, satu pertemuan dengan raja-raja mesti dibuat sebelum draf berkenaan dikemukakan kepada Majlis Raja-Raja yang akan bermesyuarat 16 Januari.

Menurutnya, draf itu juga akan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada hari yang sama.

"Kita boleh menerangkan maksud kerajaan (meminda Perkara 181 (2) Perlembagaan) supaya tidak ada keraguan di kalangan raja-raja mengenai hasrat kerajaan.

"Kerajaan tidak berhasrat menghapuskan sistem beraja sebaliknya hanya menghapuskan kekebalan raja-raja di segi undang-undang dan juga hak-hak raja-raja yang berkaitan kekebalan," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Kementerian Penerangan di sini hari ini.

Sempena lawatan itu, Dr Mahathir merasmikan Pusat Operasi Siaran (TOC) dan Pusat Operasi Penerbitan (POC) yang dilengkapi komputer canggih bernilai RM10 juta.

Selain itu, Perdana Menteri melancarkan Program Menu Sarapan

Malaysia yang akan disiarkan setiap minggu melalui rancangan Selamat Pagi Malaysia.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang merasmikan Rumah Puspanita dan Rumah Wartawan di Kementerian itu.

Menurut Dr Mahathir, hasil pertemuan beberapa Menteri Besar dengan raja masing-masing mendapati pihak istana tidak menolak secara langsung mengenai pindaan berkenaan.

"Yang kita tahu setakat ini ada cadangan supaya mereka (raja-raja) mengetahui dengan lebih terperinci berkenaan isi kandungan (pindaan) itu," katanya.

Ketika diminta mengulas mengenai draf pindaan itu, Perdana Menteri berkata, walaupun ia sudah disiapkan oleh Peguam Negara kerajaan belum membincangkan kandungannya.

"Draf itu akan dibincang oleh Kabinet dalam mesyuarat minggu depan dan selepas itu akan dibincang dengan raja-raja," katanya.

Dr Mahathir berkata, draf itu berasaskan butiran yang dipersetujui dalam perbincangan di antara beliau dan Menteri-Menteri Besar, termasuk Menteri Besar Kelantan, di Jabatan Perdana Menteri, minggu lalu.

Ketika diminta mengulas sama ada pindaan itu hanya membabitkan Perkara 181 (2) saja, beliau berkata: "Satu daripada pindaan adalah berkenaan kekebalan raja-raja di segi undang-undang. Tetapi ada peruntukan lain dalam Perlembagaan yang jika tidak dipinda akan meniadakan pindaan berkenaan Perkara 181 (2).

"Pindaan itu adalah pindaan susulan yang ada kaitan dengan Perkara 181 (2)," katanya.